

Melayu perlu berani - Najib

KUALA LUMPUR 29 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak menggesa orang Melayu supaya berani melakukan anjakan paradigma daripada jaguh kampung kepada juara dunia dan meningkatkan diri daripada Melayu cemerlang kepada Melayu unggul

Menurutnya, orang Melayu juga perlu berubah daripada kurang berani menjadi Melayu yang berani berjuang menjadi jaguh dunia.

"Walaupun kedudukan orang Melayu pada masa ini boleh dibanggakan tetapi kejayaan itu tidak mencukupi," katanya ketika berucap merasmikan Tabung Pendidikan dan Basiswa Persatuan Warga Cinta Negara Malaysia (Pecinta), di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Najib menjelaskan, orang Melayu telah

berjaya melalui cabaran pertama melakukan mobiliti sosial, daripada masyarakat yang suatu masa dahulu daif dan miskin, kini menjadi usahawan dan cendekiawan kerana kejayaan sistem pendidikan.

Kini, katanya, orang Melayu berdepan dengan cabaran globalisasi dan perlumbaan mengejar ilmu menjadi semakin kritikal.

"Kalau dahulu mereka yang mendapat keputusan baik dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sudah dianggap hebat, tetapi kini mereka yang mendapat ijazah belum tentu berpeluang mendapat pekerjaan.

"Tugas kita semakin berat, dan kerajaan tidak dapat menyediakan segala-gala untuk membantu orang Melayu mencapai hasrat itu," katanya.

Najib berkata, anjakan paradigma hanya

mampu dilakukan jika orang Melayu menjadi insan unggul dengan bersungguh-sungguh mengejar ilmu dan kemahiran.

Beliau menggesa generasi muda dan pelajar berpegang kepada pepatah orang Melayu "bercita-citalah setinggi langit, kerana jika tidak dapat mencapai langit, paling kurang dapat menggapai awan".

Najib berkata, kerajaan sedar bahawa pendidikan menjadi wahana penting kepada proses mobiliti sosial.

Katanya, ekoran itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Misi Nasional yang menjurus kepada Wawasan 2020.

Beliau berkata, kerajaan juga sedar beta-

pa pentingnya bidang pendidikan bukan sahaja untuk mendidik tetapi juga melahirkan masyarakat yang holistik, berakhlak, beriman dan mempunyai kemahiran supaya mereka menjadi insan yang sempurna.

"Kejayaan orang Melayu telah membuktikan bahawa pendidikan mampu menjadi instrumen penting mengimbangi strata sosial yang paling berkesan," katanya.

Sehubungan itu, kata Najib, selain ibu bapa, guru dan pelajar, badan bukan kerajaan (NGO), korporat dan masyarakat perlu berganding bahu menjayakan matlamat itu.

"Mereka merupakan orang yang bertanggungjawab menentukan kemajuan masyarakat dalam bidang pendidikan," tambah beliau.